

Sukarelawan Skuad 1Malaysia Sertai Kongres Belia Asia Di Osaka
Bername
20 Julai, 2012

PUTRAJAYA, 20 Julai (Bernama) -- Dua sukarelawan Skuad 1Malaysia dipilih mewakili negara menyertai Kongres Belia Asian Ke-9 yang diadakan di Osaka, Jepun selama tiga hari bermula 9 Julai lalu.

Ketua Pengarah Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Datuk Zuraidah Mohamed berkata kongres anjuran 'Colombo Plan Drug Advisory Programme' (CPDAP) dan 'Bureau for International Narcotics and Law Enforcement Affairs,' Amerika Syarikat turut dihadiri 58 peserta dari 22 negara lain.

Kongres bertujuan berkongsi pengalaman dan pengetahuan mengenai amalan terbaik pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah berdasarkan tema 'Stay Smart, for a Drug-Free Asia', katanya dalam kenyataan, di sini Jumaat.

Zuraidah berkata antara objektif utama kongres itu ialah bagi membina dan mengekalkan jaringan kerjasama antara negara-negara Asia berkenaan pendidikan pencegahan penyalahgunaan dadah serta perkongsian idea yang berkesan.

Katanya penglibatan sukarelawan negara dalam program antarabangsa juga dapat memberi dorongan dan semangat terutama kepada golongan remaja dan belia untuk bergiat lebih aktif dalam aktiviti kesukarelaan yang berguna kepada masyarakat.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=682218>

